

# Orang Asli tuntut ADUN baharu selesai geran tanah

Masyarakat minta ketidaaan sijil kelahiran turut diberi perhatian

Oleh Fahmy A Rosli  
[fahmy.azril@bh.com.my](mailto:fahmy.azril@bh.com.my)

**Bentong:** Isu geran tanah antara tuntutan masyarakat Orang Asli di Kampung Sungai Gapoi di sini, dilihat akan menjadi tugasan wakil rakyat baharu yang dipilih pada Pilihan Raya Kecil (PRK) Dewan Undangan Negeri (DUN) Pelangai, Sabtu ini.

Mereka berharap masalah itu dapat segera diselesaikan demi menjaga hak dan nasib generasi masyarakat itu pada masa hadapan.

Selain itu membuatkan

Orang Asli, penduduk setempat juga berharap Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) yang bakal dipilih nanti dapat melihat semula pelan pembangunan dan infrastruktur yang diperlukan masyarakat khasnya peniaga, dalam usaha meningkatkan taraf ekonomi kumpulan itu.

Pengerusi Jabatan Pembangunan dan Keselamatan Kampung (JPKK) Orang Asli Kampung Sungai Gapoi, Milah Hassan, berkata ketika ini, masyarakat Orang Asli di Sungai Gapoi hanya diberikan geran tanah sementara yang sah untuk tempoh 90 tahun.

"Kampung ini kita ada geran, tetapi sementara. Kalau ikutkan tempoh geran ada 90 tahun sahaja.

"Sekarang kita tak dapat lagi geran mutlak, iaitu hak milik kekal atau sepenuhnya untuk Orang Asli di kampung ini.

"Saya tidak pasti apa masalahnya. Mungkin ada bersangkut paut dengan masalah suatu

ketika dahulu," katanya ketika ditemui *BH* di perkampungan Orang Asli Sungai Gapoi di sini, semalam.

## Bantu tingkat pendapatan

Milah juga berharap isu ketidaaan sijil kelahiran membabitkan masyarakat Orang Asli tidak dipinggirkan kerana ada yang sudah berumur 28 tahun masih tidak ada sijil kelahiran.

Menceritakan keadaan dihadapi seorang gadis orang kurang upaya (OKU) di kampung itu, beliau berkata, kesusahan hidup keluarga berkenaan antara faktor yang menyumbang masalah itu.

Sehubungan itu, beliau berharap kerajaan negeri dapat membantu masyarakat Orang Asli untuk meningkatkan pendapatan, sekali gus mengurangkan kebergantungan sepenuhnya terhadap bantuan kerajaan.

"Keperluan asas seperti air dan elektrik tidak ada masalah. Jalan pun okay. Kami cuma mo-

hon bantuan membuat pintu masuk supaya dapat lakukan kutipan tol atau caj bagi pengunjung yang mahu pergi ke air terjun di kampung ini," katanya.

Sementara itu, seorang peniaga di FELDA Chemomoi yang hanya mahu dikenali dengan Pak Samad, berkata pembangunan infrastruktur di sini boleh dikatakan mundur walaupun pernah dipimpin wakil rakyat lebih 30 tahun, termasuk pernah menjadi Menteri Besar.

Memberi contoh sebuah pasar awam di FELDA Chemomoi, beliau yang berusia 68 tahun berkata, walaupun ia sudah siap, peniaga tidak mahu menyewa kerana lokasinya sedikit ke dalam dari jalan utama, membuatkan fasiliti itu tidak strategik.

"Banyak sebenarnya perlu dibangunkan di sini, antaranya lampu jalan, stesen minyak dan bermacam-macam lagi kemudahan untuk manfaat masyarakat di Pelangai," katanya.